



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, APRIL 2021

Kadar pengangguran bagi April 2021 menurun kepada 4.6 peratus yang merupakan kadar terendah sejak Oktober 2020 merekodkan bilangan penganggur seramai 742.7 ribu orang

PUTRAJAYA, 9 JUN 2021 – Kadar pengangguran bagi April 2021 menurun kepada 4.6 peratus yang merupakan kadar terendah sejak Oktober 2020 merekodkan bilangan penganggur seramai 742.7 ribu orang, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, April 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Tenaga buruh Malaysia pada April 2021 terus berada di landasan pemulihan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pemulihan di kebanyakan negeri dan PKP Bersyarat yang membuka lebih banyak peluang kepada perniagaan untuk meneruskan aktiviti mereka dalam kapasiti penuh dengan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Prospek perniagaan yang lebih baik turut digambarkan melalui prestasi Indeks Pelopor (IP) bagi Mac 2021 yang mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus bulan ke bulan (Februari 2021: 1.1%). Justeru, bilangan tenaga buruh pada April 2021 mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus atau pertambahan sebanyak 12.2 ribu orang merekodkan 16.09 juta orang (Mac 2021: 16.08 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi bulan tersebut kekal pada 68.6 peratus".

Mengulas lanjut mengenai situasi tenaga buruh pada April 2021, Ketua Perangkawan berkata, "Bilangan penduduk bekerja kekal dalam trend menaik dengan pertambahan bulan ke bulan sebanyak 22.7 ribu orang kepada 15.35 juta orang (Mac 2021: 15.33 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga kekal pada kadar 65.4 peratus pada April 2021. Dari segi penduduk bekerja mengikut sektor ekonomi, Perkhidmatan mencatatkan trend meningkat pada bulan

tersebut terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan dan minuman; Pendidikan; dan Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Trend yang sama juga turut dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan manakala kedua-dua sektor Pertanian dan Perlombongan & Pengkuarian terus mencatatkan momentum negatif bulan ke bulan”.

Komposisi terbesar penduduk bekerja adalah kategori pekerja yang merangkumi 77.9 peratus, meningkat sebanyak 17.2 ribu orang bulan ke bulan mencatatkan 11.96 juta orang (Mac 2021: 11.95 juta orang). Begitu juga, penduduk bekerja sendiri merekodkan pertambahan sebanyak 12.3 ribu orang kepada 2.49 juta orang pada April (Mac 2021: 2.48 juta orang). Peningkatan penduduk yang bekerja sendiri ini adalah berikutan operasi berterusan perniagaan kecil pada bulan tersebut. Di samping itu, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu kekal dalam trend menurun dengan pengurangan sebanyak 5.0 ribu orang kepada 116.0 ribu orang (Mac 2021: 121.0 ribu orang).

Sementara itu, perbandingan dengan dua belas bulan sebelumnya, bilangan penduduk bekerja terus meningkat selama dua bulan berturut-turut, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih tinggi sebanyak 2.8 peratus (Mac 2021: 0.6%; April 2020: -1.0%) atau pertambahan sebanyak 418.6 ribu orang (April 2020: 14.93 juta orang). Peningkatan tahun ke tahun ini disebabkan oleh asas bilangan penduduk bekerja yang rendah pada bulan April tahun sebelumnya akibat daripada penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi di seluruh negara.

Dalam pada itu, melihat kepada situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kadar pengangguran terus menurun pada April 2021, berkurang sebanyak 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus berbanding bulan sebelumnya (Mac 2021: 4.7%). Bilangan penganggur menurun sebanyak 10.5 ribu orang (-1.4%) bulan ke bulan mencatatkan 742.7 ribu orang (Mac 2021: 753.2 ribu orang). Di samping itu, penganggur aktif yang didefinisikan sebagai mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi lebih 80 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori pengangguran ini berkurang sebanyak 8.2 ribu orang (-1.3%) kepada 618.7 ribu orang (Mac 2021: 626.9 ribu orang). Daripada keseluruhan penganggur yang aktif, sebanyak 52.1 peratus adalah penganggur yang menganggur kurang daripada tiga bulan.”

Dari segi perbandingan tahun ke tahun, setelah mencatatkan peningkatan berterusan selama empat belas bulan sejak bermulanya pandemik, buat pertama kalinya kadar pengangguran mencatatkan perubahan negatif disebabkan oleh asas

kadar pengangguran yang tinggi (April 2020: 5.0%). Begitu juga dengan bilangan penganggur yang mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 4.6 peratus atau bersamaan dengan pengurangan 36.1 ribu orang (April 2020: 778.8 ribu orang).


Meneliti kepada kumpulan yang tidak aktif, pada bulan tersebut bilangan di luar tenaga buruh mencatatkan peningkatan sebanyak 13.1 ribu orang kepada 7.38 juta orang (Mac 2021: 7.36 juta orang). Luar tenaga buruh didominasi oleh kategori bersekolah/ latihan dengan 43.5 peratus (3.21 juta orang) dan diikuti oleh kategori kerja rumah/ tanggungjawab keluarga dengan 42.1 peratus (3.10 juta orang).

Merumuskan keseluruhan situasi tenaga buruh, Ketua Perangkawan berkata, “Krisis kesihatan awam di Malaysia pada Mei 2021 semakin mencabar dengan peningkatan berterusan kes jangkitan harian, justeru menyebabkan pelaksanaan PKP 3.0 di seluruh negara sehingga 31 Mei 2021. Sepanjang fasa ini, kebanyakan sektor ekonomi dibenarkan beroperasi, walaupun majikan perlu melaksanakan dasar bekerja dari rumah dengan bilangan kakitangan di peringkat pengurusan yang berada di pejabat tidak melebihi 30 peratus dalam satu-satu masa manakala semua institusi pendidikan ditutup serta acara sosial, aktiviti sukan, permainan dan rekreasi adalah dilarang. Perjalanan rentas negeri dan daerah juga tidak dibenarkan dengan pengecualian tertentu. Senario ini memberi isyarat pasaran buruh pada Mei 2021 berdepan dengan beberapa cabaran terutamanya kepada kemasukan baharu tenaga buruh dan pengusaha perniagaan kecil.


Selanjutnya, melihat kepada pertambahan jumlah kes COVID-19 dan peningkatan mendadak bilangan kes harian menjelang akhir Mei 2021, menyebabkan pelaksanaan PKP penuh dilaksanakan di seluruh negara bermula 1 hingga 14 Jun 2021 dengan penutupan penuh kesemua sektor ekonomi dan sosial kecuali bagi sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu. Kedudukan pasaran buruh dijangka sekali lagi akan berdepan dengan situasi yang mencabar bagi beberapa bulan ke hadapan, namun dengan pelbagai bantuan yang disediakan oleh Kerajaan ianya akan dapat mengurangkan impak dan seterusnya memulihkan kedudukan pasaran buruh.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial [@MyCensus2020](https://www.instagram.com/MyCensus2020) untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pengangguran, Malaysia, 1982-2020, ST1 2018 – ST1 2021 dan Januari 2020 – April 2021



Carta 2: Kadar Pengangguran, Malaysia, 1982-2020, ST1 2018 – ST1 2021 dan Januari 2020 - April 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

9 JUN 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA,
APRIL 2021**

The unemployment rate for April 2021 dropped to 4.6 per cent which was the lowest rate since October 2020 recording 742.7 thousand unemployed persons

PUTRAJAYA, 9 JUNE 2021 – The unemployment rate for April 2021 dropped to 4.6 per cent which was the lowest rate since October 2020 recording 742.7 thousand unemployed persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, April 2021. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The Malaysia's labour force continued to be on a recovery path in April 2021 as Recovery Movement Control Order (MCO) in most states and Conditional MCO gave more opportunities for businesses to continue their activities in full capacity while adhering to strict standard operating procedures. Better business outlook was also reflected by the performance of Leading Index (LI) for March 2021 which posted an increase of 1.8 per cent month-on-month (February 2021: 1.1%). Hence, the number of labour force in April 2021 recorded month-on month increase of 0.1 per cent or an addition of 12.2 thousand persons to record 16.09 million persons (March 2021: 16.08 million persons). The labour force participation rate (LFPR) for the month stood at 68.6 per cent".

Elaborating further on the labour force situation in April 2021, the Chief Statisticians said, "The number of employed persons remained in an increasing trend with month-on-month gain of 22.7 thousand persons to post 15.35 million persons (March 2021: 15.33 million persons). The employment-to-population ratio which indicates the ability of an economy to create employment remained unchanged at 65.4 per cent in April 2021. From the viewpoint of economic sectors, Services registered an upward trend in the number of employed persons during the month largely in Wholesale & retail trade; Food and beverages services; Education; and Human health & social work activities. Similar trends were also observed in Manufacturing and Construction sectors while both Agriculture and Mining & Quarrying sectors continued to record a negative month-on-month momentum".

The largest composition of employed persons was the employee's category which comprised of 77.9 per cent, increased by 17.2 thousand persons month-on-month to

register 11.96 million persons (March 2021: 11.95 million persons). Similarly, own-account workers registered an addition of 12.3 thousand persons to record 2.49 million persons in April (March 2021: 2.48 million persons). The increase in own-account workers was following the continuous operations of small businesses during the month. In addition, the number of employed persons who were temporarily not working remained on a declining trend with a reduction of 5.0 thousand persons to record 116.0 thousand persons (March 2021: 121.0 thousand persons).

Meanwhile, comparing with the period of twelve months earlier, the number of employed persons continued its upward changes for two consecutive months, registering a stronger year-on-year growth of 2.8 per cent (March 2021: 0.6%; April 2020: -1.0%) or an addition of 418.6 thousand persons (April 2020: 14.93 million persons). This year-on-year increase was due to low base of number of employed persons during April last year as a result of nationwide total lockdown.

In the meantime, looking at the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The unemployment rate continued to decline in April 2021, lessening by 0.1 percentage point to 4.6 per cent as against the previous month (March 2021: 4.7%). The number of unemployed persons reduced by 10.5 thousand persons (-1.4%) month-on-month to register 742.7 thousand persons (March 2021: 753.2 thousand persons). In addition, the actively unemployed which is defined as those who were available for work and were actively seeking job encompassed of more than 80 per cent of the total unemployed person. This category of unemployment decreased by 8.2 thousand persons (-1.3%) to record 618.7 thousand persons (March 2021: 626.9 thousand persons). Out of the total actively unemployed, 52.1 per cent were unemployed for less than three months."

Year-on-year comparison, after posting continuous increase for fourteen months since the beginning of the pandemic, the unemployment rate recorded year-on-year negative changes for the first time due to the high base of unemployment rate (April 2020: 5.0%). Similarly, the number of unemployed posted year-on-year decrease of 4.6 per cent or equivalent to reduction of 36.1 thousand persons (April 2020: 778.8 thousand persons).

Observing the inactivity group, the number of outside labour force during the month posted an increase of 13.1 thousand persons to 7.38 million persons (March 2021: 7.36 million persons). Outside labour force was dominated by schooling/ training categories with 43.5 per cent (3.21 million persons) and followed by housework/ family responsibilities with 42.1 per cent (3.10 million persons).

Concluding the overall labour force situation, the Chief Statistician said, "May 2021 witnessed the public health crisis situation in Malaysia getting more challenging with a rise in the number of daily infections cases, hence resulting in the implementation

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 09 June 2021

of MCO 3.0 nationwide until 31 May 2021. During this phase, most of economic sectors were allowed to operate, although employers had to adopt work from home policies with not more than 30 per cent of management-level staff in the premises in addition to closures of all educational institutions while social events, sports activities, games and recreation were prohibited. Inter-states and inter-district travels were also restricted with certain exceptions. This scenario signalled some challenges to the labour market in May 2021 especially to the new entrants and small business operators.

Furthermore, looking at the escalating number of COVID-19 cases and the sharp increase in daily cases towards the end of May 2021, the implementation of the total lockdown was imposed nationwide from 1 to 14 June 2021 with the closure of all economic and social sectors except for essential economic and service sectors. Labour market condition is foreseen to face another challenging situation in the upcoming months but with the provision of various assistances by the Government may cushion the impact and subsequently restore the labour market condition.”

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media [@MyCensus2020](https://www.instagram.com/MyCensus2020) for more info.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, 1982-2020, Q1 2018 – Q1 2021 and January 2020 - April 2021





Chart 2: Unemployment rate, Malaysia, 1982-2020, Q1 2018 – Q1 2021 and January 2020 - April 2021



Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 JUNE 2021**